

INISIATIF KAWALAN SUMBER AIR/DASAR	KANDUNGAN
<p>Dasar Strategi Pengurusan Tasik Di Negeri Selangor</p>	<p>1. Pengenalan</p> <p>1.1. Selaras dengan fungsi, bidang tugas dan perundangan LUAS, Dasar Strategi Pengurusan Tasik Di Negeri Selangor ini diangkat dan disyorkan oleh LUAS dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 25 Jun 2014. Tujuan utama dasar strategi ini diperkenalkan adalah sebagai usaha dan langkah LUAS bagi mengekalkan badan air semulajadi tasik (kolam dan bekas lombong) dalam keadaan asal dan ianya tidak boleh dikacauganggu samada dalam bentuk pengambusan, pengecilan ataupun penutupan boleh dibuat tanpa mendapat kebenaran Pengarah LUAS terlebih dahulu.</p> <p>2. Objektif</p> <p>2.1. Sebagai panduan dan rujukan kepada semua agensi/jabatan Kerajaan, pemilik tanah, pemaju tanah dan perunding swasta dalam pengurusan dan perancangan gunatanah sekiranya melibatkan badan air semulajadi tasik (kolam dan bekas lombong).</p> <p>2.2. Memaklumkan kepada pihak-pihak berkepentingan bahawa sekiranya aktiviti pengambusan, pengecilan ataupun penutupan badan air semulajadi tasik (kolam dan bekas lombong) dibuat dengan sewenang-wenangnya akan memberi kesan negatif yang sangat besar kepada alam sekitar dan manusia.</p> <p>2.3. Kriteria yang terlibat dalam strategi pengurusan badan air semulajadi tasik (kolam dan bekas lombong) ini ialah yang mempunyai ciri-ciri berikut :</p>

INISIATIF KAWALAN SUMBER AIR/DASAR	KANDUNGAN
	<ol style="list-style-type: none"> 1) Terlibat dengan cadangan skim pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) samada di dalam tanah hakmilik persendirian dan tanah hakmilik kerajaan; atau 2) Mengikut definisi dan kategori JPBDMS iaitu tasik bekas lombong, tasik empangan, tasik terancang (skim pembangunan), tasik kolam takungan banjir (<i>retention pond</i>), tasik paya, tasik laguna dan tasik ladam; atau 3) Dizonkan sebagai gunatanah badan air di dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK); atau 4) Mempunyai kedalaman melebihi 3 meter, ini kerana paras kedalaman tersebut adalah yang terbaik yang melepasi paras permukaan dan menepati fungsinya sebagai kolam takungan air; atau 5) Mendatangkan kemudatan sekiranya ditutup, dikambus dan dikecilkan terutama berlakunya banjir tertakluk tetapi tidak terhad oleh kajian hidraulik dan hidrologi yang disediakan.